

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
PENGERUSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

SEMPENA

**PROGRAM BUAL BICARA AHLI SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN PELAJARAN BERSAMA WARGA
PENDIDIKAN TAWAU, SABAH**

**PADA
1 OKTOBER 2019 (SELASA)
8.30 PAGI**

BERTEMPAT DI

**DEWAN DATUK AMIR BEK
INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TAWAU, SABAH**

LAMPIRAN B

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berusaha Encik Suhaimi bin Jusoh
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang dihormati Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan
Pelajaran

Yang Berusaha Dr. Hajah Rosmawati binti Hamzah,
Pengarah IPG Kampus Tawau

Yang Berusaha Puan Faridah Binti Timbol
Wakil Pengarah Pendidikan Negeri Sabah

Dif-dif Kehormat, Pegawai-pegawai Suruhanjaya, Tuan-Tuan
dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

LAMPIRAN B

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi atas limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama hadir di Program Bual Bicara. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Urus Setia SPP Sabah selaku tuan rumah yang menjemput saya dan seterusnya merasmikan program Bersepadu SPP Bilangan 3 Tahun 2019 ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan khususnya kepada Pegawai-pegawai SPP, Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau dan Jabatan Pendidikan Sabah yang telah sama-sama bertungkus lumus mengaturkan segala persiapan bagi memastikan majlis pada hari ini berlangsung dengan jayanya.

2. Untuk makluman, Program Bersepadu kali ini merupakan edisi ketiga selepas kejayaan penganjuran Program Bersepadu SPP Bilangan 1/2019 di Alor Setar, Kedah pada 25 hingga 28 Februari 2019 dan Program Bersepadu SPP Bilangan 2/2019 di Miri, Sarawak pada 21

LAMPIRAN B

hingga 24 April 2019. Program pada pagi ini adalah merupakan sebahagian daripada pengisian Program Bersepadu SPP Bil 3/2019 yang bermula 1 hingga 3 Oktober 2019. Selain daripada itu turut diadakan adalah Mesyuarat Suruhanjaya serta Program Naziran *ePROPER* SPP. Program naziran ini bertujuan untuk menyemak pelaksanaan 622 urusan perkhidmatan melalui sistem *ePROPER* oleh 35 PTJ di Bahagian Pantai Timur Sabah. Kami berharap dengan penganjuran program kali ini dapat membantu PTJ memastikan pematuhan ke atas Pekeliling yang berkuatkuasa dalam melaksanakan urusan perkhidmatan melalui sistem *ePROPER*.

YBhg. Tan Sri/Datuk-Datuk/Tuan-Tuan dan Puan-Puan

3. Program Bual Bicara ini merupakan satu inisiatif oleh SPP bagi membolehkan Ahli Suruhanjaya dan Urus Setia berkongsi pengalaman, pandangan dan pemerhatian sepanjang menjalankan fungsi-fungsi Suruhanjaya iaitu melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap dan berpencen, menaikkan pangkat, menukar pelantikan/perkhidmatan dan menjalankan kawalan tatatertib. Fungsi-fungsi Suruhanjaya yang telah saya sebut tadi adalah

LAMPIRAN B

termaktub dalam Perkara 144(1)(A) Perlembagaan Persekutuan. Justeru itu, saya yakin Ahli Panel dan Moderator yang dipilih nanti mampu berbincang dan mengulas tajuk Program Bual Bicara kali ini iaitu **“Pengurusan Disiplin Di Kalangan Guru: Isu dan Cabaran”** dan **“Kenapa Perlu Ketua Jabatan Menguruskan Perkhidmatan Pegawai Dengan Teratur”**. Pada pandangan saya, tajuk ini sangat sesuai dengan tuan-tuan dan puan-puan yang hadir di auditorium ini yang terdiri daripada Pengarah, Pengetua, Guru Besar dan Guru-Guru Kanan selaku Ketua di Jabatan masing-masing.

4. Tajuk yang dipilih bagi Program Bual Bicara pada pagi ini sangat relevan kerana kerap kali isu-isu disiplin pegawai Kerajaan dipaparkan di pelbagai platform media termasuk yang ditularkan di media sosial yang boleh menjejaskan imej dan reputasi perkhidmatan awam. Isu-isu ini berlaku adalah disebabkan sikap pegawai yang tidak mengendahkan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan di samping pemantauan yang lemah oleh Ketua-Ketua Jabatan. Saya yakin melalui perbincangan ini tuan-tuan dan puan-puan akan mendapat panduan dan seterusnya meningkatkan pemahaman dalam menyelia

LAMPIRAN B

pegawai-pegawai di Jabatan masing-masing supaya mematuhi peraturan-peraturan sedia ada.

5. Selain daripada isu-isu disiplin, tajuk program bual bicara juga akan menyentuh urusan perkhidmatan pegawai Kerajaan yang perlu dilaksanakan secara teratur bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan pegawai lancar, seterusnya dapat menikmati faedah persaraan di akhir perkhidmatan masing-masing. Sebagai contoh, pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan tetapi telah dinaikkan pangkat akan berdepan dengan risiko pembatalan kenaikan pangkat yang telah diluluskan. Sehubungan itu, saya ingin mengambil peluang ini menyarankan agar Ketua Jabatan sentiasa menyemak pekeliling-pekeliling dan peraturan-peraturan sedia ada dan terkini yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan SPP dari semasa ke semasa. Ini bagi mengelakkan daripada berlakunya sebarang kesilapan dilakukan semasa melaksanakan urusan-urusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan kerana implikasinya ialah tindakan tatatertib malah surcaj boleh dikenakan terhadap Ketua Jabatan.

LAMPIRAN B

YBhg. Tan Sri/Datuk-Datuk/Tuan-Tuan dan Puan-Puan

6. Untuk makluman, SPP telah melaksanakan sesi temu duga fasa satu mulai Januari sehingga Mei 2019. Dalam fasa 2 pula, temu duga telah dijadualkan secara berterusan (*back to back*) mulai Jun 2019 sehingga November 2019. Ini bertujuan untuk pengisian kekosongan jawatan di KPM pada tahun 2019 iaitu sebanyak **10,388** di mana pecahannya terdiri dari **1912 jawatan Anggota Kumpulan Pelaksana Gred 11 dan 19, 545 jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH29 dan DH41, serta 7931 jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41.** Untuk urusan ini setakat 25 September 2019, SPP telah memanggil seramai **24,057** orang calon bagi urusan temu duga jawatan tersebut.

7. Dalam kesibukan Ahli Suruhanjaya menjalankan tugas hakiki iaitu urusan pengambilan Anggota Perkhidmatan Pendidikan, kami bertekad untuk meneruskan Program Bual Bicara kerana adalah amat penting untuk kami berkongsi maklumat berkaitan urusan disiplin, tatatertib dan perkhidmatan yang boleh memberi kesan yang tidak baik sekiranya tidak dilaksanakan dengan tertib dan teratur. Saya

LAMPIRAN B

amat berharap, tuan/puan mengambil peluang ini untuk mengajukan sebarang persoalan berkaitan tajuk yang dibincangkan supaya warga kerja di bawah seliaan tuan/puan terus cemerlang dalam menjalankan tugas hakiki masing-masing di samping memastikan urusan berkaitan perkhidmatan dan disiplin terus dipantau secara berterusan.

7. Akhir kata syabas diucapkan kepada SPP kerana berjaya menganjurkan Program Bual Bicara pada pagi ini. Semoga hubungan kukuh serta *silaturrahim* yang terjalin antara SPP dan warga pendidik Negeri Sabah ini terus berkekalan dengan erat demi memantapkan perkhidmatan pendidikan agar kekal relevan seiring dengan perkembangan semasa.

10. Saya, dengan lafaz *Bismilahirrahmanirahim* dan penuh rasa besar hati dengan ini merasmikan Program Bual Bicara Bilangan 3 tahun 2019.

Sekian, Wabillahhittaufiq Walhidayah,
Wassalamualaikum WarahmatullahiWabarakatuh